

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 1, 2017 12:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: 5th Asian Cooperative Programme Convention – Platform Perkongsian Pengalaman Pengurusan Bencana



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



01 MAC 2017 / 02 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shfie

**5th ASIAN COOPERATIVE PROGRAMME CONVENTION – PLATFORM PERKONGSIAN
PENGALAMAN PENGURUSAN BENCANA**



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Institut Pengurusan Bencana (DMI), Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) dengan kerjasama Asian Cooperative Programme (ACP) dan Kansai University of International Studies (KUIS), Jepun menganjurkan “5th Asian Cooperative Programme (ACP) Convention On Comparative Research In Safety & Disaster Management”, pada 20-28 Februari lalu.

Konvensyen antarabangsa ini dianjurkan susulan pertemuan antara pihak UUM dan Presiden KUIS.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Noor Azizi Ismail berkata Konvensyen ACP-5 adalah program luar kampus, yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda dan fokus asas konvensyen ini adalah berkaitan "Bencana dan Pengurusan Keselamatan".

"Konvensyen ACP-5 menawarkan ruang untuk penerokaan dan penemuan melalui aktiviti-aktiviti termasuk perbincangan, ceramah dan misi sukarelawan di kawasan bencana, misalnya, kawasan-kawasan yang dilanda banjir. Pelajar juga mengambil bahagian dalam pembentangan kertas kerja semasa konvensyen itu.

"Saya amat yakin bahawa konvensyen ini akan berfungsi sebagai platform terbaik kepada para peserta untuk berkongsi kesedaran dan pengalaman mereka dalam hal-hal berkaitan keselamatan dan pengurusan bencana,"ujarnya ketika menyampaikan ucapan aluan mewakili Naib Canselor sempena ACP Consortium Meeting di EDC Hotels & Resorts semalam.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengerusi ACP merangkap Presiden KUIS, Prof. Atsushi Hamana itu merupakan sebahagian daripada pengisian program Konvensyen ACP 5 yang berlangsung dari 20-28 Februari.

Menerusi program luar kampus ini pelajar Jepun dari KUIS dan universiti-universiti yang menjadi ahli konsortium ACP (14 buah universiti di Asia Tenggara dan Jepun) bersama-sama mempelajari mengenai pengurusan bencana melalui kuliah dan kerja lapangan.

Program ini termasuk lawatan tiga hari ke kawasan yang terlibat dengan bencana banjir di Manek Urai, Kelantan dan meninjau bangunan tiga tingkat sekolah rendah serta menemubual mangsa banjir.

Program ini turut mendapat kerjasama Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC), PPA COLGIS dan PPA CAS.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.